

Surat khabar: Utusan Sarawak (Sada Sarawak)

Hari/Tarikh: 16/11/2016

Muka surat: S1

Tajuk : 1,232 Graduan terima degree dalam sidang kedua

1,232 graduan terima ijazah

KOTA SAMARAHAN: Sidang kedua Majlis Konvokesyen UNIMAS ke-20 berjalan dengan lancar dengan menyaksikan penyampaian ijazah kepada 1,232 orang graduan daripada dua buah fakulti universiti ini.

Penyampaian ijazah kepada para graduan semalam disempurnakan oleh Pro Canselor UNIMAS, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu anak Numpang.

Dalam sidang semalam menyaksikan penyerahan ijazah graduan daripada Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEB) seramai 529 orang dari lapan program FEB iaitu program ekonomi perkhidmatan, perakaunan,

ekonomi perniagaan, kewangan, ekonomi antarabangsa, pemasaran, pengurusan korporat dan ekonomi industri.

Turut disampaikan ialah penyampaian ijazah kepada graduan daripada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) seramai 703 orang dari enam jenis program FSGK iaitu program muzik, drama dan teater, seni halus, teknologi senireka, sinematografi dan pengurusan seni.

Jumlah 4,275 graduan UNIMAS secara keseluruhan pada majlis konvokesyen ke-20 kali ini mencatatkan jumlah tertinggi merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana dan ijazah sarjana muda.

Daripada keseluruhan jumlah tersebut, 67 orang adalah graduan doktor falsafah (PhD), Ijazah Sarjana (337 orang) dan Ijazah Sarjana Muda (3,871 orang). - Penerangan

TANHIAH ... Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu anak Numpang menyampaikan anugerah kepada salah seorang graduan sempena sidang kedua Majlis Konvokesyen UNIMAS ke-20 di Kota Samarahan semalam. - Foto Penerangan

